



PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
**PENOLONG JURUTERA MEKANIKAL
2023
MEKANIKAL**

KOD : **PJM011**
SUBJEK : **PENGURUSAN WOKSYOP**
TARIKH : **7 OGOS 2023**
MASA : **9.00 PAGI – 12.00 TGH.**

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

ARAHAN KEPADA CALON

1. **Tuliskan angka giliran serta nombor kad pengenalan** anda dengan terang pada setiap helaian kertas jawapan yang digunakan. **Jangan sekali-kali menulis nama anda pada kertas jawapan.** Kertas jawapan yang mengandungi nama calon akan dianggap tidak sah.
2. Pastikan anda mendapat kertas soalan yang lengkap.
3. **Jawab dalam Bahasa Malaysia sahaja.** Istilah-istilah teknikal yang tiada terjemahannya atau sukar diterjemahkan boleh dikekalkan dalam bahasa asalnya. Jawapan yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberi markah.
4. **Jawab secukup soalan sahaja** mengikut arahan dalam kertas soalan. Jawapan bagi soalan lebih tidak akan diberi markah.
5. Semua perkiraan untuk mendapatkan jawapan hendaklah ditunjukkan. Jawapan yang betul tetapi tiada menunjukkan perkiraan tidak akan diberi markah.
6. Calon-calun digalakkan membuat lakaran untuk menjelaskan jawapan di mana yang sesuai.
7. **Calon-calun dilarang merujuk kepada buku atau sebarang bahan rujukan** melainkan yang dibenarkan mengikut arahan yang tercatat dalam permulaan kertas soalan.
8. Penggunaan mesin pengira elektronik tanpa kemudahan program adalah dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam kertas jawapan.
9. Bagi subjek peperiksaan di mana masa rehat diberi (misalnya, subjek LUKISAN), calon-calun adalah dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa sehingga keseluruhan peperiksaan untuk subjek berkenaan tamat.
10. Semua kertas jawapan mesti disusun dan diikat dengan sempurna.
11. Calon-calun dilarang mengambil kertas jawapan kosong yang telah disediakan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa.
12. **Calon-calun tidak dibenarkan keluar dari dewan peperiksaan dalam tempoh masa 30 minit** dari mulanya peperiksaan.
13. **Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon-calun yang menyerahkan kertas jawapan kosong (tanpa sebarang jawapan) sekiranya mereka tidak mempunyai sebab yang munasabah.**
14. **Calon-calun yang didapati meniru/menipu semasa menduduki peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.**
15. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang mengingkari arahan Ketua Pengawas semasa di dalam dewan peperiksaan.

PERKARA : PJM011 – PENGURUSAN WOKSYOP

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.
Jawab mana-mana **lima (5)** soalan sahaja.*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

- a) Setiap pembaikan kenderaan di JKR Woksyop perlu memenuhi piawai yang telah ditetapkan. Senaraikan **dua (2)** piagam pelanggan pembaikan kenderaan di JKR Woksyop, takrifkan dan berikan contoh setiap satu.

(10 markah)

- b) Terangkan dengan terperinci **tiga (3)** tugas Pembantu Kemahiran (H19) dalam proses membaiki sesebuah kenderaan dengan lengkap dari proses penerimaan kenderaan sehingga penyerahan kepada pelanggan.

(6 markah)

- c) Sebagai Penolong Jurutera di woksyop, anda harus tahu berkaitan pelbagai penjawatan Kumpulan Sokongan 2. Sila nyatakan **dua (2)** jenis tugas yang anda boleh berikan kepada Pembantu Awam (H11).

(4 markah)

SOALAN 2

- a) Pemandu kerajaan merupakan tonggak utama dalam memastikan urusan jabatan berjalan lancar. Berdasarkan Pekeliling Perbendaraan WP4.1 - Pengurusan Kenderaan Kerajaan, nyatakan **empat (4)** tanggungjawab pemandu.

(4 markah)

- b) Antara tanggungjawab Pegawai Kenderaan adalah memastikan Lampiran C4 (Format Analisa Kadar Penggunaan bahan Api Bulanan) diisi lengkap. Terangkan **satu (1)** fungsi lampiran tersebut dan nyatakan **satu (1)** tindakan yang perlu dilakukan oleh Pegawai Kenderaan dan Ketua Jabatan.

(6 markah)

SOALAN 2 (sambungan)

- c) Berikut adalah penggunaan kenderaan dan minyak bagi sebuah kenderaan kerajaan dalam bulan November.

Jenis kenderaan : Proton Persona
Jumlah kapasiti Tangki : 50 liter

Tarikh	Odometer	Isian (liter)	Catatan
1/11/2022	8,800	Tiada	Tangki penuh
10/11/2022	8920	48	Penuh
21/11/2022	9180	45	Penuh
1/12/2022	9300	43	Isian penuh pertama awal bulan

- i) Kirakan kadar penggunaan bahan api dan baki isipadu bahan api (liter) pada awal bulan berikutnya bagi kenderaan tersebut.

(6 markah)

- ii) Berdasarkan kadar penggunaan bahan api di atas, nyatakan kesimpulan prestasi kenderaan tersebut dan tindakan yang boleh diambil.

(4 markah)

SOALAN 3

- a) Berdasarkan takrifan dalam Pekeliling Perbendaharaan WP4.1 - Pengurusan Kenderaan Kerajaan, berikan maksud ringkas kenderaan jabatan, kereta konsesi dan kereta rasmi jawatan.

(6 markah)

- b) Huraikan secara ringkas fungsi bagi setiap kad inden bagi kenderaan kerajaan di bawah:

- i) Kad Individu
- ii) Kad Pemandu
- iii) Kad Kenderaan

SOALAN 3 (sambungan)

iv) Kad Pengawai Kenderaan

(10 markah)

c) Terdapat **dua (2)** jenis kenderaan konsesi yang dipajak oleh kerajaan. Nyatakan kedua-duanya berserta tempoh pajakan setiap satu.

(4 markah)

SOALAN 4

a) Pekeliling Perbendaharaan PK1.1 - Punca Kuasa, Prinsip dan Kategori Perolehan Kerajaan serta PK2.1 - Kaedah Perolehan Kerajaan, telah dinyatakan punca kuasa, prinsip, dasar dan kaedah perolehan dalam kerajaan.

i) Nyatakan **tiga (3)** kategori perolehan kerajaan dan tentukan **satu (1)** kategori perolehan bagi penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan yang hendak dilakukan di woksypop swasta.

(4 markah)

ii) Sebelum menjalankan kerja pembaikan kenderaan secara kecemasan, perolehan sehingga RM20 ribu dalam satu pesanan boleh dibuat secara rundingan terus. Terangkan secara ringkas **dua (2)** syarat rundingan terus.

(4 markah)

iii) Kos penggantian enjin sebuah kenderaan kerajaan boleh mencecah sehingga RM35,000.00. Terangkan **empat (4)** kelonggaran syarat perolehan sebut harga yang diberikan.

(8 markah)

b) Pembaikan jentera jenis pelarik tanah boleh dilakukan di bengkel swasta A yang berdaftar di bawah Kementerian Kewangan dan mempunyai kod bidang 110302 dan 220106. Mengapakah bengkel swasta A tersebut dipilih?

(4 markah)

SOALAN 5

Bagi memastikan pengurusan woksyop yang berkesan, organisasi woksyop perlu lengkap dan teratur. Pelbagai jawatan perlu wujud dengan setiap fungsi jawatan yang berkaitan.

a) Senaraikan dengan ringkas **dua (2)** tugas dan tanggungjawab bagi setiap jawatan yang dinyatakan di bawah:

- i) Jurutera Mekanikal
- ii) Pembantu Kemahiran
- iii) Pembantu Awam

(6 markah)

b) Nyatakan tugas dan tanggungjawab Penolong Jurutera dalam proses penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan.

(4 markah)

c) Sebuah kenderaan jabatan kerajaan mengalami kerosakan dan perlu pembaikan segera. Jabatan kerajaan tersebut tidak mempunyai woksyop yang lengkap. Nyatakan khidmat nasihat yang boleh anda berikan kepada jabatan tersebut untuk melaksanakan proses pembaikan berpandukan 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP).

(10 markah)

SOALAN 6

a) Berdasarkan Pekeliling Perbendaraan WP4.1 - Pengurusan Kenderaan Kerajaan Lampiran E1, terdapat tiga (3) kriteria pertimbangan untuk mendapat Sijil Perakuan Pelupusan (PEP) bagi sesebuah kenderaan. Terangkan **tiga (3)** kriteria untuk melayakkan proses pelupusan sesebuah bas dapat dilaksanakan. Nyatakan juga kriteria yang diperlukan bagi melayakkan sebuah bas itu dilupuskan.

(8 markah)

b) Berpandukan Pekeliling Perbendaraan AM 2.6 - Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan : Pelupusan, nyatakan had nilai keperluan Perakuan Pelupusan (PEP) bagi :

- i) Aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik
- ii) Perkakasan komputer


(4 markah)

SOALAN 6 (sambungan)

- c) Sebuah jabatan kerajaan berhasrat melupuskan sebuah kenderaan jenis pacuan empat roda yang dibuat pada tahun 2008. Nilai pembelian asal adalah RM110,000.00. Berpandukan kadar susut nilai yang dikeluarkan oleh JKR Woksyop Persekutuan, didapati susut nilainya adalah 34%. Hasil pemeriksaan mendapati nilai anggaran kerosakan adalah RM8,000.00. Berdasarkan maklumat di atas, sila lengkapkan maklumat Kew.Pa -16 berikut:
- i) Anggaran kos penyelenggaraan semasa
 - ii) Nilai semasa
 - iii) Anggaran nilai selepas diperbaiki
- (6 markah)*
- d) Berikan **dua (2)** kriteria yang membolehkan kenderaan dilupuskan secara sisa besi.
- (2 markah)*

SOALAN 7

Sebuah kenderaan JKR telah mengalami kerosakan dan perlu dilaksanakan kerja pembaikan. Berikut adalah carta alir proses kerja pembaikan:



- a) Huraikan **enam (6)** tindakan yang harus dilakukan oleh Penolong Jurutera untuk melaksanakan kerja pembaikan berdasarkan carta alir seperti di atas.
- (12 markah)*
- b) Selepas mengenalpasti kerosakan yang berlaku kepada kenderaan tersebut, nyatakan **dua (2)** tindakan anda untuk mendapatkan alat ganti yang diperlukan daripada stor.
- (4 markah)*
- c) Apakah yang perlu dilakukan jika didapati terdapat kekangan tenaga kerja untuk pelaksanaan penyelenggaraan secara dalaman?
- (4 markah)*

SOALAN 8

- a) Pemeriksaan dan pengujian kenderaan secara berkomputer memberikan keputusan yang tepat dan pantas. Jelaskan secara terperinci skop pemeriksaan berikut:
- i) Ujian lampu limpah (*head lamp inspection*)
 - ii) Ujian pelepasan asap enjin diesel (*smoke test for diesel engine*)
 - iii) Ujian meter halaju (*speedometer test*)
 - iv) Ujian suspensi (*suspension test*)
 - v) Ujian brek (*braking test*)
 - vi) Pemeriksaan bawah badan (*under carriage inspection*)

(12 markah)

- b) Apabila sesebuah kenderaan kerajaan terlibat dalam kemalangan, beberapa peraturan perlu diikuti oleh pemandu berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP4.2 - Kemalangan Yang Melibatkan Kenderaan Kerajaan Malaysia. Terangkan **empat (4)** tindakan yang perlu diikuti oleh pemandu yang terlibat dengan kemalangan.

(8 markah)

SOALAN 9

- a) Penyenggaraan ke atas sesebuah kenderaan adalah amat penting dan perlu dilakukan secara teratur. Nyatakan **empat (4)** kepentingan penyenggaraan kenderaan.
- b) Terangkan secara ringkas bagi setiap konsep penyenggaraan berikut dan berikan **satu (1)** contoh kerja yang berkaitan:
- i) Penyenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*)
 - ii) Penyenggaraan berkala (*periodic maintenance*)
- c) Nyatakan **empat (4)** kepentingan yang diperolehi daripada kerja-kerja pembersihan dan pencucian kenderaan.

(8 markah)

(6 markah)

(6 markah)

SOALAN 10

- a) Semasa anda memandu kenderaan di jalan raya, anda dapati stereng kenderaan bergegar. Nyatakan **empat (4)** kemungkinan sebab utama kejadian tersebut.

(8 markah)

- b) Terangkan secara ringkas **empat (4)** fungsi tayar bagi sesebuah kenderaan.

(8 markah)

- c) Nyatakan penyebab utama bagi masalah kehausan tayar berikut:

- i) Kesan haus berlebihan di bahagian tepi kiri dan kanan bunga tayar.
- ii) Kesan haus berlebihan di tengah-tengah bunga tayar.

(4 markah)
